

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 43 RABU 27 OKTOBER 1971. 1391 ربيع 7 ابو PERCHUMA

KETETAPAN KADAR ZAKAT FITRAH TAHUN INI BAGI TIAP2 SA-ORANG ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah mengumumkan kadar zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang Umat Islam di-negeri ini bagi tahun 1391 ini.

Menurut satu siaran khas bahawa zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang Umat Islam di-Daerah Brunei ia-lah \$1.37½ sen; Daerah2 Muara dan Tutong ia-lah \$1.40½ sen; dan Daerah2 Belait dan Temburong ia-lah \$1.43¾ sen.

Kadar zakat fitrah itu adalah menurut nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahl ia-itu kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan.

Lebeh lanjut lagi siaran itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah di-keluarkan dari makanan yang biasa di-makan pada sa-sabuaah negeri itu.

“Oleh kerana makanan yang biasa di-negeri ini ia-lah beras, maka zakat fitrah ada-lah sah di-keluarkan dengan beras. Anggaran zakat fitrah menurut timbangan di-negeri ini ia-lah 3 kati 12 tahl bagi tiap2 sa-orang Islam”, demikian menurut siaran tersebut.

Dalam pada itu, siaran itu juga menerangkan bahawa menurut Mazhab Hanafi bahawa ada-lah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai-nya mata wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa di-makan di-negeri ini di-tetapkan oleh Kerajaan dengan harga \$2.20 sen sa-gantang di-Daerah Brunei; \$2.25 sen sa-gantang di-Daerah2 Muara dan Tutong; dan \$2.30 sen sa-gantang di-Daerah2 Belait dan Temburong, maka nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahl di-Daerah Brunei ia-lah \$1.37½ sen; Muara dan Tutong \$1.40½ sen; dan Belait dan Temburong \$1.43¾ sen.

Siaran itu menyatakan ba-

hawa ada-lah sah di-keluarkan zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang Umat Islam sama ada dengan chara mengeluarkan beras sa-banyak 3 kati 12 tahl; atau, boleh bertaklid (mengikut) Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras 3 kati 12 tahl itu.


Siaran itu mengingatkan Umat Islam di-negeri ini bahawa zakat fitrah wajib di-keluarkan mulai malam Hari Raya hingga Imam mendirikan Sembahyang Hari Raya.

“Dalam pada itu, ada-lah harus zakat fitrah itu di-keluarkan sa-belum waktu tersebut ia-itu dari awal bulan Ramadhan”, tambah siaran itu.

HUKUMAN BAGI YANG TIDAK PUASA

Sementara itu, sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengingatkan kaum muslimin dalam negeri ini bahawa sa-panjang bulan Ramadhan ini mereka di-larang makan, minum atau merokok pada siang hari, ia-itu dari suboh hingga mata hari tenggelam.

Sa-orang Islam yang melanggar syarat2 berpuasa itu boleh di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan yang pertama, \$75.00 bagi kesalahan yang kedua dan \$100.00 bagi kesalahan yang ketiga.



80% kerja pembenaan rumah sakit baru di-Daerah Tutong telah siap dan jika tiada sebarang halangan ia-nya di-jangka siap semua-nya dalam bulan Disember tahun ini.

Bangunan rumah sakit itu terletak di-sakeping tanah sa-luas sebelas ekar di-Pekan Tutong, di-atas bukit bahagian belakang kedai2 dan jabatan2 kerajaan. Ia-nya di-anggarkan menelan belanja kira2 satu juta ringgit, dan pembenan-nya telah bermula dalam bulan Disembar tahun lalu.

Sharikat2 Ho Kwong Yew dan Saudara ada-lah arkitek dan pareka bangunan rumah sakit tersebut dan mengawasi kerja2 pembenaan-nya bagi pihak kerajaan. Kontrakter utama ia-lah Sharikat Pemborong Bangunan Lee Lam.

Komplek rumah sakit baru itu mengandongi bilek2 wad dan pejabat2 bagi pentadbiran serta quarters untuk kaki tangan. Ia-nya akan mempunyai 20 katil dan boleh di-perluaskan di-masa hadapan.

Bahagian penempatan pesakit2 mengandongi satu wad beranak; wad2 orang sakit lelaki dan perempuan, sa-buah dapur dan tempat dhoi.

Gambar atas menunjukkan sa-buah lukisan bagi menggambarkan keadaan kawasan Rumah Sakit di-Tutong yang sedang di-bena itu apabila ia-nya sempurna di-laksanakan nanti.

PELUANG UNTUK LANJUTKAN PELAJARAN DI-UNIVERSITI2 LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kerajaan2 United Kingdom, Canada, Ceylon, Trinidad dan Tobago sedang memberi peluang kepada pendudok2 yang terdiri raayat Brunei dengan menyediakan dermasiswa untuk mereka bagi melanjutkan pelajaran di-universiti2 di-negeri2 itu dalam musim akademik 1972 — 1973 ini.

Pengarah Pelajaran dalam satu siaran-nya menyatakan bahawa pemohon2 ada-lah di-pelawa dari yang mempunyai kelayakan dan dapat memenuhi syarat2 yang telah di-tentukan.

Sharat2 itu ia-lah pemohon2 hendak-lah terdiri dari raayat Brunei; mempunyai ijazah universiti atau yang sa-banding dengan-nya atau pemegang Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sa-banding dengan-nya; dan, dapat menunjukkan bahawa pemohon2 itu mempunyai kelayakan yang mencukupi dalam Bahasa Inggeris bagi memudahkan menjalani kursus2 yang di-hadiahkan oleh negeri2 itu.

Siaran itu menyatakan bahawa permohonan2 hendak-lah di-tulis dengan memberikan keterangan2 yang penoh mengenai diri pemohon dengan mengisikan borong2 yang boleh di-dapati daripada Setia Usaha Jawatankuasa Dermasiswa, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan. Borong2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9 Nobember, 1971.

Sementara itu, Jabatan Pelajaran telah pun menerima 96 permohonan untuk memasoki kursus bagi mendapatkan ijazah dan sijil diploma pelajaran di-Universiti Malaya bagi tahun pengajian akademik 1972/1973. Pengajian itu akan bermula dalam bulan Mei, 1972.

PEPEREKSAAN TRENGKAS, MENAIP DALAM BULAN DISEMBER

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Sa-ramai 224 orang chalun akan mengambil peperiksaan Trengkas, menaip, ilmu menyimpan kira2 dan Steno aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Disember tahun ini.

Peperiksaan menaip akan di-adakan pada 10 Disember, trengkas pada 12 Disember dan peperiksaan steno dan ilmu menyimpan kira2 pada 17 Disember bertempat di-Bandar Seri Begawan.

Sa-ramai lapan puluh lima orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas ia-itu sa-ramai 44 orang dalam peringkat permulaan, 26 menengah dan 15 yang lain dalam peringkat lanjutan.

Sa-ratus dua puluh tiga orang chalun akan menyertai peperiksaan menaip — ia-itu 89 orang dalam peringkat permulaan, 12 menengah dan 22 orang dalam peringkat lanjutan.

Sa-puluh orang chalun dari Maktab SOAS dan sa-orang lagi dari Maktab Anthony Abell, Seria akan mengambil peperiksaan menaip dalam peringkat2 permulaan dan menengah dan peperiksaan ilmu menyimpan kira2 dalam aliran Inggeris.

Dua orang chalun akan mengambil peperiksaan ilmu menyimpan kira2 dalam peringkat2 permulaan dan menengah dan tiga orang lagi akan mengambil peperiksaan steno dalam aliran Melayu.

Peperiksaan itu di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

PELADANG2 DI-SERU AWASI SERANGAN ULAT PADI

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Peladang2 di-negeri ini dinasehatkan supaya memerhatikan serangan ulat2 padi, terutama-nya ka-atas tanaman padi di-bukit.

Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan, Awang W.T.H. Peregrine ketika menyatakan demikian berkata, tanaman padi2 itu akan rosak sama sekali, jika ulat2 itu di-biarkan membiak.

Bakal2 haji di-minta jelaskan tambang pendahuluan

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji meminta semua bakal2 Haji yang akan menunaikan fardhu Haji dengan kapal terbang, bagi musim Haji tahun 1971/1972 supaya menjelaskan wang pendahuluan tambang mereka.

Wang pendahuluan tambang bagi sa-orang dewasa \$1,000 sementara kanak2 \$700.00.

Bakal2 Haji di-Daerah Belait hendak-lah menjelaskannya di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait pada 1 Nohember, jam 10.30 pagi.

Bakal2 Haji di-Daerah Tutong hendak-lah menyerahkan-nya di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Tutong pada, 3 Nohember jam 10.30 pagi.

Bakal2 Haji di-Daerah Temburong pula hendak-lah menyerahkan tambang mereka

di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong pada 6 Nohember jam 10.30 pagi.

Bakal2 Haji di-Daerah Brunei-Muara hendak-lah membayar kepada Sharikat Pelancong Kalimantan, No: 210 Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada 26 Nohember, jam 9.00 pagi.

Sa-ramai 220 orang bakal2 Haji akan ka-Mekah dengan kapal terbang tahun ini.

Semua passport2 bakal Haji itu hendak-lah di-serahkan kepada Sharikat Pelancong Kalimantan Bangunan Guru2 Melayu Brunei, tidak lewat pada 15 Nohember.

PERANGKAB johan bola - sepak kawasan Brunei II dan III



Persatuan PERANGKAB telah berjaya menjadi johan sa-telah mengalahkan Persatuan PERKA dua gol berbalas satu dalam perlawanan bola sepak antara Persatuan2 Belia kawasan Brunei Dua dan Tiga yang berlangsung di-Padang Sekolah Melayu Amar Pahlawan petang hari Selasa minggu lepas.

Naib johan jatuh kepada Persatuan PERKA yang menganjorkan perlawanan itu.

Sa-banyak sa-belas buah pasok-

an telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu dari sejak ia-nya di-mulakan pada 10 September lalu.

Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan itu. Gambar atas menunjukkan ketua pasokan Perangkap, Awang Bakri bin Pehin Bendahari Haji Omar sedang menerima perisai kejohanan itu yang di-sampaikan oleh P.O.K. Laila Wangsa.

MBB anjorkan lumba basikal terbuka dari KB ka-BSB

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan satu perlumbaan basikal sa-jauh 67 batu dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan pada 24 Disember tahun ini.

Perlumbaan perseorangan kapada dua, ia-itu bahagian berpasokan dan perseorangan yang terbuka kapada belia2 di-negeri ini dan perlumbaan2 dari luar negeri.

Perlumbaan perseorangan terbuka kapada wanita2 di-negeri ini dan luar negeri juga di-adakan dengan jarak perlumbaan sa-jauh 10 batu dari Sengkurong ka-Bandar Seri Begawan.

Peserta2 luar negeri yang ingin menyertai perlumbaan itu tidak di-kenakan sebarang bayaran, sementara tempat tinggal dan makan mereka selama berada di-negeri ini akan di-sediakan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Borang2 memasok perlumbaan boleh di-dapati dari Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan; Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Jabatan Kebajikan Masharakat Bandar Seri Begawan; Awang Ismail bin Apong di-Jabatan Kerja Raya Bahagian Setor Kuala Belait; Awang Masri bin Haji Arshad di-Pejabat Buroh Kuala Belait; Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan Tutong.

Borang2 tersebut hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada jam 4.00 petang 30 Nohember.

mereksa tanaman2 mereka pada tiap2 hari dan membawa sebarang ulat yang di-dapati ka-steshen pertanian yang berhampiran, utok di-pereksa.

Hanya sa-telah pemeriksaan itu, bahan2 kimia yang tertentu akan di-keluarkan utok mengawal serangan tersebut. Kata-nya, penyemboran yang terlindung boleh di-lakukan, hanya jika gegat tersebut di-jumpai bagi mengelakkan kerosakkan berat ka-atas tanaman2.

Kata-nya, sa-jauh ini kejadian itu hanya berlaku di-Bukit Sawat, bahagian dalam Daerah Belait, tetapi ia-nya boleh membiak segera di-mana2 jua kawasan.

Ulat2 itu berwarna merah kehitam2an dan sa-besar hingga 1½ inchi panjang. Gegat yang bertelur itu berwarna kemerah2an dan berkepak sepanjang kira2 1½ inchi.

Awang Peregrine menasehatkan peladang2 supaya me-



Y.B. Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali.

SELAMAT BERPUASA DARI KADHI BESAR KPD. UMAT ISLAM BRUNEI

BAGI mengalu2kan ketibaan bulan Ramadhan, Kadhi Besar Brunei, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Mat Yassin telah memberikan sharahan khas melalui Radio menjelang bulan Ramadhan. Di-halaman ini di-siarkan sharahan beliau itu dan mu-dah2an akan menambahkan faedah-nya lagi. — Pengarang.

Al-hamdulillah — dengan taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala, sampai lagi masa-nya kita menghadapi bulan Ramadhan, bulan Puasa yang akan membawa kita orang2 Islam bermal melukukan satu daripada rukun Islam yang lima — ia-itu BERPUASA sa-bulan Ramadhan.

Ibadat berpuasa, ia-itu menahan diri daripada makan minum dan meninggalkan perkara2 yang membatalkan puasa sa-panjang siang hari dalam bulan puasa itu, yakni dari terbit fajar sadek hingga terbenam mata hari — ada-lah suatu ibadat yang telah lama di-lakukan oleh para Nabi2, Wali2 dan umat2 yang taat setia dengan perintah ugama2 yang terdahulu daripada kita.

Sa-bagaimana Firman Allah Taala di-dalam Al-Koran dalam ayat 183 dan 184, Surat-ul-Baqarah yang maksud-nya:

“Wahai orang2 yang beriman!. Telah di-wajibkan ka-tas kamu berpuasa sa-bagai-mana yang telah pernah di-

wajibkan ka-atas orang2 sa-belum kamu. Mudah2an kamu bertambah takwa. Puasa itu hanya beberapa hari yang tertentu sahaja”.

Ada pun awal Ramadhan itu di-kira sa-telah genap 30 haribulan Sha’aban atau pun jika kelihatan anak bulan dengan chara Ru’yah (melihat anak bulan) pada petang 29 haribulan Sha’aban.

Sa-bagaimana tersebut dalam Firman Allah pada akhir ayat 185 Surat-ul-Baqarah yang maksud-nya: “Maka barang siapa melihat atau menyaksikan anak bulan itu (anak bulan Ramadhan), wajib-lah ia-nya berpuasa”.

Ayat tersebut di-kuatkan lagi dengan sa-buah hadith, sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang maksud-nya: “Berpuasa-lah kamu manakala melihat anak bulan (anak bulan Ra-

madhan) dan berbuka-lah kamu atau berHari Raya kamu manakala melihat-nya (melikanak bulan Shawal)”.

Di-fahamkan daripada ayat suchi Al-Koran dan sa-potong hadith tadi, tahu-lah kita bahawa ibadat berpuasa yang di-wajibkan dalam Ugama Islam kepada pemelok2 yakni orang2 Islam, ia-lah pada bulan Ramadhan.

Dan di-khaskan wajib-nya berpuasa pada bulan tersebut ia-lah kerana ada sebab yang menasabah sa-bagai menghormati bulan yang mulia ini.

Antara lain2 sebab yang terchapai oleh ‘akal fikiran kita manusia memikirkannya ia-lah kerana Allah Subhanahu Wataala menurunkan wahyu atau Al-Koran pada bulan Ramadhan, sa-bagaimana Firman Allah pada permulaan

aya t 185 Surat-ul-Baqarah yang maksud-nya:

“Bulan Ramadhan yang diturunkan pada-nya Al-Koran, ada-lah menjadi petunjuk bagi manusia, dan ada lagi beberapa kenyataan yang membawa kepada petunjuk dan untuk membezakan mana yang benar dan mana yang salah”.

Maka amalan berpuasa pada bulan Ramadhan yang diturunkan pada-nya Al-Koran itu ada-lah sa-besar2 amalan ibadat manusia terhadap Tohan-nya.

Menurut riwayat yang shahih, Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. sejak di-wajibkan berpuasa sa-bulan pada tiap2 bulan Ramadhan, yakni sa-telah Hijrah, Baginda hanya sempat sembilan kali sahaja berpuasa, ia-itu sa-kali genap 30 hari dan yang lain-nya sa-banyak delapan kali Baginda berpuasa sa-bulan Ramadhan 29 hari. Dan pada tahun yang ke-10 daripada Hijrah Baginda wafat sa-belum sampai bulan Ramadhan.

Akhirul-Qalam, saya ucapkan “selamat berpuasa” kepada sekalian kaum muslimin dan muslimat sa-negeri Brunei. Berbahagia-lah mereka yang dapat menunaikan ibadat berpuasa di-bulan Ramadhan ini dengan menchukopi segala sharat2 rukun-nya.



KHUTBAH JUMA'AT

PUASA MERUPAKAN LATEHAN UNTOK BERTAKWA KAPADA ALLAH

SEKARANG kita berada di-dalam bulan Ramadhan, di-dalam mana Umat Islam diseluruh dunia mengerjakan suatu ibadat yang di-namakan PUASA.

Seluruh umat Islam dari berbagai2 bangsa dan warna kulit di-Timur dan di-Barat, di-Utara dan di-Selatan bersatu dalam suatu kesatuan yang lengkap sama ada dari segi perasaan dan jangka waktu makan minum mau pun dari segi menahan nafsu dan shahwat dari tegahan2 waktu berpuasa.

Sa-sungguh-nya dalam bulan ini Islam telah mewajibkan umat-nya yang tiada mempunyai keuzuran2 shara' supaya menjalani latehan jasmani dan rohani.

Latehan ini amat-lah penting bagi menjadikan atau mengekalkan umat Islam da-

lam keadaan sentiasa bertakwa kepada Allah.

Suatu pasokan bola sepak misal-nya, tidak-lah akan dapat muncurl sa-bagai pasokan yang handal jika sekira-nya pemain2-nya tidak bersungguh2 menjalani latehan2 yang wajar untuk sa-barang perlakuan. Latehan2 itu amat-lah perlu bukan hanya untuk mendapatkan tenaga dan kelincahan bermain, tetapi juga untuk mendapatkan persafahaman di-kala permainan di-jalankan.

Bagitu juga-lah hal-nya dengan masyarakat manusia di-dalam hidup dan kehidupan di-dunia ini. Latehan2 untuk menjadikan mereka sehat rohani dan jasmani ada-lah sangat2 di-perlukan.

Sa-bagaimana yang sama2 kita ketahui di-dalam ibadat puasa itu telah di-tentukan

sharat2 dan rukun2-nya serta pantang larang-nya. Semua-nya itu ada-lah merupakan latehan bagi melahirkan orang2 dan masyarakat yang takwa akan berjaya di-dalam pergolakan hidup di-dunia dan akhirat.

Di-dalam puasa kita di-lateh menahan nafsu makan dan minum; di-dalam puasa kita di-lateh menahan nafsu shahwat kejentinaan; di-dalam puasa segala anggota lahir dan bathin, dari bisekan2 hati yang jahat, membawa kepada lidah, telinga, mata dan alat perasa, semua-nya harus di-lateh untuk tundok dan patoh kepada ajaran2 Allah dan Rasul-Nya.

Semua-nya itu ia-lah bagi kepentingan melahirkan orang2 yang sentiasa bertakwa kepada Allah, orang2 yang “GALATKAN” kemurkaan-Nya, takut kepada azab-Nya.

Bukan-lah orang yang galat-

kan kemurkaan Allah, jika hati-nya tiada selalu di-tumpukan kepada Allah. Bukanlah orang yang takutkan azab Allah, jika nafsu shahwat-nya tidak di-salorkan menurut kehendak2 yang di-halalkan Allah. Bukan-lah orang yang takwa jika akhlak dan perangai-nya jauh menyimpang dari ajaran2 Allah.

Ini-lah penting-nya kita mematohi surohan Allah untuk mengerjakan ibadat puasa. Dari itu marilah kita berlaku jujur terhadap diri kita dalam usaha membentuk diri masing2 supaya terjumlah sa-bagai orang yang takwa ia-itu orang yang sentiasa berjaya mendapat kemenangan2 di-dunia dan di-akhirat.

Pengkhianatan kita terhadap diri kita ia-itu dengan melalaikan ibadat puasa ada-lah suatu kerugian yang sangat besar kepada kita.

Peluang keemasan ini mesti-lah kita rebut dengan sabai2-nya, lebeh2 lagi ibadat ini hanya-lah di-wajibkan sa-bulan sa-kali di-dalam sa-tahun,

MENYIASAT HARGA BARANG2

DUA minggu yang lalu kita telah menguti satu siaran dari Kerajaan untuk menjalan- kan penyiasatan berhubsng dengan kenaikan harga barang2 keperluan sa-hari2 di- negeri ini.

Penyiasatan itu akan di- mula- kan dalam bulan Noverber. Dari hari ini kita akan melang- kah ka-dalam bulan Noverber hanya tinggal tiga hari saja lagi. Dan dalam waktu itu juga kita masih berada dalam bulan puasa sa-itu bulan yang di- istilahkan oleh kebanyakan orang di- sini sa-bagai bulan mewah sa-itu bulan yang jarang di- perhatikan tentang barang2 banyak yang di- keluarkan ke- rana menurut kehendak selera.

Di- sebabkan tidak meng- indahkan sangat akan isi kan- tong ini- lah kebanyakan dari kita tidak begitu menyedari akan harga barang2 keperluan itu, terutama yang di- katakan barang2 makanan untuk ber- buka puasa seperti bahan2 un- tuk membuat bubur, kacang mudi- dan lain2 lagi. Kebanyakan dari kita pula kadang2 sengaja ti- day menginfakkan soal harga itu, kerana di- khusiatkan akan menimbulkan satu pertengkaran dan di- takuti akan merosak puasa kita itu. Tetapi sa- rangah2 orang pula tidak de- mikian, malah kadang2 ada yang tidak sabar dan kerana itu timbul- lah pertengkaran yang tidak di- ingini itu.

Tetapi, takaduhong Kerajaan akan menjalankan penyiasatan itu dan kebanyakan orang ramai telah di- seru supaya memberikan kerjasama untuk melapor- kan tentang sebarang perubahan harga sa-itu barang2 keperluan sa- hari2 itu, maka kita kira bahawa dalam bulan puasa ini ia- lah sebaik2nya bagi orang ramai membuat chatetan2 harga yang ada sekarang untuk men- jadi bahan laporan mereka nanti, jika mereka dapat bahawa barang2 itu berbeza sa- sebelum dan selepas puasa nanti.


Dalam hubngan ini pula, orang ramai hendak- lah me- mbuat chatetan2 yang lengkap sa- seperti perbezaan harga sa-itu2 barang antara sa- buah tempat dengan sa- buah tempat dan hendak- lah mereka menghidar- kan "sangkap jarang".

Laporan2 mereka itu nanti ada- lah merupakan satu perkara yang penting untuk merujuk kenaikan harga barang2 itu. Ini ada- lah bagi faedah2 untuk melaksanakan tindakan2 yang berkesan terhadap mereka yang sengaja menaikkan harga bar- rang2 itu tanpa sebab2 yang munasabah.

Kita tidak payah ragu2 ten- tag apa- kah bentuk atau ceh- rak tindakan yang akan di- rikan oleh Kerajaan itu, kita hendak- lah yakin terhadap kebijaksanaan Kerajaan dalam hal ini, kerana kalau tidak ada rangkai2 tindakan itu di- sedi- akan tentu sekali Kerajaan tidak akan mengularkan siaran. Pak- kok-nya kerjasama dari kita ada- lah perlu di- dahulukan.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis kelahiran ziarah kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan sa-lepas istiadat pengangkutan gelaran tersebut.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis ketika memeriksa perbezaan harga barang2 keperluan sa- hari2 di- negeri ini.




Yang Teramat Mu'a Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis dengan di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan ketika berangkat dari Lapau sa-lepas menerima anugerah gelaran itu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis menerima anugerah gelaran.




Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis ketika memeriksa perbezaan harga barang2 keperluan sa- hari2 di- negeri ini.



Yang Teramat Mu'a Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis dengan di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan ketika berangkat dari Lapau sa-lepas menerima anugerah gelaran itu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis menerima anugerah gelaran.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis ketika memeriksa perbezaan harga barang2 keperluan sa- hari2 di- negeri ini.



Yang Teramat Mu'a Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis dengan di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan ketika berangkat dari Lapau sa-lepas menerima anugerah gelaran itu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis menerima anugerah gelaran.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis ketika memeriksa perbezaan harga barang2 keperluan sa- hari2 di- negeri ini.



Yang Teramat Mu'a Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis dengan di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan ketika berangkat dari Lapau sa-lepas menerima anugerah gelaran itu.

ISTIADAT2 MENGANUGERKAN GELARAN Y.T.M. DULI PG. DIGADONG DAN Y.T.M. DULI PG. TEMANGGONG

DAM minggu lepas, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan Negeri Brunei telah menganugerahkan gelaran2 Wazir Kebab dan Keselamatan dua istiadat yang berlangsung di-Lapau, Bandar Seri Begawan.

Dalam istiadat yang pertama, Baginda telah menganugerahkan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, Wazir yang kedua, kepada Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Di-Raja Subibun Nabalah, Pas Anak Haji Khamis ibni Al-Mahmud Sultan Hashim.

Peristiwa mengenai pengangkutan gelaran tersebut telah di-rikan dalam minggu lepas. Tetapi di-bahalan ini di-rikan beberapa keping gambar yang di-rikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Anak Haji Khamis sa-lelah di-rasikan gelaran tersebut. Istiadat tersebut berlangsung pada 18 Oktober, 1971.

Sementara itu, dua hari sa-lepas itu, ia-itu 20 Oktober, 1971, istiadat menganugerahkan gelaran sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung Sahibul Bahar kepada Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Put pun di-laksanakan.

Seperti istiadat menganugerahkan gelaran Wazir yang kedua itu, maka istiadat menganugerahkan gelaran Wazir yang keempat ini juga di-laksanakan di-bahalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhnya Tajuddin, Awang A.R. Adjar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh, Penasehat Umum kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakit Di-Raja Dato Seri Utama Awang Isa, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Duli Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Sa-Negara, Pengiran Haji Mohamed Yusoff, Yang Amat Mulia Cheteria Cheteria, Awang Berhormat, Pengiran, Pehin2 Menteri dan pegawai2 kanan kerajaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bahar telah tiba di-Lapau pada sa-lepas pukul 4.05 petang, di-iringi oleh pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran dia yang terdiri dari 8 batang tombak, benderang yang bersampakan emas, 8 bilah pedang bersampakan emas, dan perak, dan 8 perisi, 8 biji kabok, dan 6 biji panatan, dan 6 batang senpat.

Istiadat itu telah di-mulakan dengan penapakan sa-gangsa sirih, yang lengkap ba-ka-baluk kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bahar oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung, dan di-ikuti dengan pembachanan Oudharan, oleh Yang Di-Mulikan Pehin Udana Khalid Awang Haji Amin.

Sa-jurus sa-telah itu, tembakan meriam sa-banyak 16 das pun di-lepaskan bagi memandikan perasanan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung Sahibul Bahar.

Dalam istiadat itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung Sahibul Bahar telah di-kurnakan perasanan, dan alu-aluan yang terdiri dari 2 pengakap pakikan dan kamax, sa-pengakap perasanan biasa, 2 bilah pedang bersampakan emas, 2 batang tombak, 1 bilah keris, 2 buah bedil tembaga, dan sa-buah kaskol perak yang berakikan emas.

Istiadat itu di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Yang Di-Mulikan Pehin Dato Seri Maharaja, Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Sa-jurus sa-lepas istiadat mengurnikan gelaran itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung Sahibul Bahar, yang baru itu, telah berangkat memeriksa sa- perubahan kehormatan, yang terdiri dari Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, dan pasukan Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei, di-pकरण Lapau.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung kemudian-nya di-arak mengiringi Bandar Seri Begawan.

Perarakan itu telah di-dahului oleh pembawa alat2 kebesaran Di-Raja, dan di-iringi oleh pasukan pancharagam Polis Di-Raja Brunei dan pembesar2 negara.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung telah juga menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh ia-itu kepada Wazir seperti yang kelihatan gambar atas.




Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung telah juga menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh ia-itu kepada Wazir seperti yang kelihatan gambar atas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung telah juga menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh ia-itu kepada Wazir seperti yang kelihatan gambar atas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung telah juga menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh ia-itu kepada Wazir seperti yang kelihatan gambar atas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggung telah juga menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazirul Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolikh ia-itu kepada Wazir seperti yang kelihatan gambar atas.



MELAWAT KA-KILANAS DAN LUAHAN

LUAHAN. — Sa-rombongan anggota2 pulis dari Pusat Latihan Pulis Diraja di-Jalan Muara telah mengadakan beberapa lawatan ka- Pusat2 Pertanian dan Ternakan di-Kilanas dan Luahan dalam minggu lalu.

Dalam siri lawatan sambil belajar itu, mereka telah diberi penerangan2 singkat berhubung dengan ranchangan2 perchubuan tanaman dan ternakan di-pusat2 tersebut.

Sementara itu, sa-rombongan dari penuntut2 Sekolah St. Andrews telah juga mengadakan lawatan ka-tempat2 yang sama dan penuntut2 tersebut telah di-berikan penerangan2 berhubung dengan chara2 tanaman dan ternakan moden untuk menambah pengetahuan mereka.

Gambar atas menunjukkan, Penulung Pegawai Pertanian Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Suhaimi kelihatan memandu sambil memberikan penerangan2 kepada anggota2 Pulis itu.

Gambar berikut-nya pula, kelihatan penuntut2 Sekolah St. Andrews sedang di-pimpin oleh Awg. Talip bin Meramit, Pembantu Pegawai Pertanian di-Luahan dalam lawatan mereka itu.

PERADUAN BAJU KURONG JENIS LAMA ANJORAN IBB

BERAKAS. — Persatuan Ikatan Belia Berakas akan menganjurkan Peraduan Baju Kurong jenis lama dan moden pada 27 Nobember ini bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan mulai jam 7.30 malam.

Peraduan itu terbuka kepada semua wanita berbagai bangsa di-Daerah Brunei-Muara yang berumur 15 tahun keatas .

Tiap2 peserta hanya dibenarkan memasoki salah satu dari peraduan itu dan mereka di-bolehkan memilih sa-barang warna kain dan lain2 perhiasan yang sesuai dengan baju kurong itu.

Borang2 memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Awangku Yahya bin Pengiran Hashim, Kampong Anggerek Desa, Berakas, Awang Mohamed Daud bin Haji Awang Timbang di-Pejabat Muzium, Kota Batu atau Pengerusi Peraduan itu, Pengiran Mohamed Dom bin Pengiran Haji Besar, di-Jabatan Pertanian, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 10 Nobember.

Dua chedera dalam kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang chedera apabila berlaku-nya kebakaran di-bahagian dapur sa-buah restoran, di-bangunan PGGMB, Bandar Seri Begawan dalam minggu lepas.

Dua buah kereta bomba di-kejarkan ka-situ, dan kebakaran dapat di-padamkan dalam masa beberapa minit. Kebakaran itu di-perchayai berpuncha dari kebochoran satu cylinder gas.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 Okt., 1971 hingga ka-hari Selasa 2 Nob., 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
28 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
29 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
30 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
31 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
1 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
2 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



KURSUS SA-TAHUN DI-UNITED KINGDOM BAGI GURU2 MELAYU

Guru2 Melayu Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei yang sedang berkhidmat di-Jabatan Pelajaran Brunei dan telah mempunyai pengalaman mengajar sekurang2-nya empat tahun sa-lepas berjaya mengakhiri kursus di mana2 Maktab Perguruan yang diakui ada-lah di-pelawa membuat permohonan untuk di-chalunkan mengikuti **Kursus Sa-tahun** dalam berbagai2 lapangan di-United Kingdom Tahun Pengajian 1972/1973 dengan Dermasiswa Kommanwel atau Kerajaan.

Pegawai Melayu di-Jabatan Pelajaran ada-lah juga di-pelawa sama.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris sekurang2-nya lulus L.C.E. atau yang sa-banding dengan-nya.

Pemohon2 hendak-lah membuat dua pilihan mengikut susunan ke-utamaan, dua daripada kursus2 berikut mengikut kehenderongan dan kebolehan mereka:

1. Mengajar Bahasa Inggeris sa-bagai Bahasa Kedua.
2. Latehan Jasmani.
3. Seni Lukis dan Pertukangan.
4. Urusan Rumah Tangga.
5. Nadzir2 dan Pentadbiran Pelajaran.
6. Pelajaran Rendah.
7. Penjarah Maktab Latehan Guru.
8. Pentadbir dan Guru2 Besar.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dengan menggunakan borang yang boleh di-dapati daripada Nadzir2 dan Pengetua sekolah2 pusat dan hendak-lah sampai kepada Pengetua/Guru Besar tidak lewat daripada 3hb. Nobember, 1971 dan hendak-lah sampai kepada Pengetua Pelajaran Melayu, Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei melalui saloran2 biasa tidak lewat daripada 10hb. Nobember, 1971.

Pengetua/Guru Besar, dalam menyampaikan permohonan2 itu hendak-lah membuat ulasan sulit mengenai pemohon2.

(M. MACINNES)
Pengaroh Pelajaran,
BRUNEI.

PENGAMBILAN AKHIR ANGGOTA2 BARU AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Rombongan pengambil orang2 baru Askar Melayu Diraja Brunei akan berada di-Dewan Kemasharakatan di-Bandar Seri Begawan bagi pengambilan akhir pada hari Sabtu 30 Oktober.

Orang yang ingin hendak berkhidmat dalam Askar Melayu Diraja Brunei akan di-temu duga oleh pasukan pengambil orang2 baru itu dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Mereka yang ingin memasuki perkhidmatan tersebut hendak-lah raayat Brunei dan beragama Islam. Sa-lain dari

JAWATAN2 KOSONG

Penjarah dan Penolong Penjarah Maktab Perguruan Uga

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penjarah dan Penolong Penjarah di-Maktab Perguruan Uga Seri Begawan, Brunei.

1. PENSHARAH

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai ijazah Honours daripada sa-sebuah universiti yang di-iktiraf dan mesti-lah juga mempunyai sa-suatu kelayakan mengajar professional.

- b) Lulus Bahasa Melayu di-perengkat S.P.M.

- c) Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman mengajar.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 2 EB 3 — B\$1090x40-1300x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740/EB/1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENOLONG PENSHARAH

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada guru2 terlatih yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut:—

- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia.
- b) Mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 7 tahun di-sekolah2 rendah dan menengah.
- c) Mempunyai kebolehan mengajar dalam salah

satu mata-pelajaran yang berikut:—

- Bahasa Inggeris;
- Bahasa Melayu;
- Ilmu Sains 'Am;
- Ilmu Hisab;
- Tawarikh; dan
- Ilmu Alam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2 EB 3 — B\$710x30-950/EB/1000x30-1120. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Umor:

Tidak kurang dari 25 tahun.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan

di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat daripada 15 Nobember, 1971.

Penyelenggara Setor Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Pulis, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah terdiri daripada orang2 lelaki berumur 21 tahun ka-atas dan mempunyai sijil L.C.E. dalam aliran Inggeris. Mesti-lah mempunyai beberapa tahun pengalaman dalam pengurusan perkakas2 teknikal terutama-nya alat2 electronic dan alat2 pengganti untuk radio.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — B\$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat daripada 1 Nobember, 1971.

Pegawai Kastam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Ke-utamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai satu sijil dan kelulusan dalam Bahasa Melayu sa-bagai salah satu mata pelajaran-nya atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan fasah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/EXAM/350x15-410x20-510/EB/540x20-660.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai dengan pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat daripada 28 Oktober, 1971.

KAKITANGAN KERAJAAN DI-PERENTAHKAN MEMBERI KERJASAMA KAPADA PENASEHAT UMUM KAPADA D. Y. M. M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua2 Jabatan dan semua pegawai2 dan kakitangan Kerajaan ada-lah di-perentahkan memberikan kerjasama yang sapenoh-nya kepada Penasehat Umum kapada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.

Kerjasama yang di-perlukan itu ia-lah untuk memberikan segala pertolongan dan kemudahan untuk membolehkan beliau menunaikan tugas kewajipan yang di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia kapada beliau dari sa-masa ka-sa-masa.

Perintah ini ada-lah terkadong dalam satu surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang di-tujukan kapada semua jabatan2 kerajaan baru2 ini.

Surat keliling itu juga menyatakan bahawa Ketua2 Jabatan dan semua pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan ada-lah di-bolehkan berjumpa atau berhubung dengan beliau untuk menyatakan dan menearangkan apa jua masalah atau kesulitan yang mereka hadapi dalam usaha mereka untuk melaksanakan apa2 jua kerja yang berkebakikan.

Sa-lain dari itu, menurut surat keliling itu bahawa Penasihat Umum kapada Baginda itu juga

ada-lah di-beri kuasa untuk berjumpa atau menjumpai atau memanggil atau menghubungi mana2 Ketua Jabatan atau pegawai2 Kerajaan dan bertanya atau menyasiat atau mendapatkan apa2 jua malumat atau penjelasan termasuk segala kertas atau persuratan dari mereka mengenai dengan apa jua perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan pentadbiran serta keadaan dalam negeri Brunei.

Selaku Penasehat Umum kapada Baginda itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja juga di-benarkan melawat dan memeriksa mana2 pejabat atau tempat2 Kerajaan atau projek2 kemajuan Kerajaan untuk memerhati atau mendapatkan penjelasan mengenai dengan pelaksanaan projek2 itu.



Y.B. Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa

Hujan yg. tidak putus2 mengendalakan kerja2 jeraya di-Bukit Puan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keseluruhan kerja pembenaan jalan2 yang menghubungkan Rempayoh, Labi dan Bukit Puan dengan jalan Bandar Seri Begawan/Kuala Belait sedang berjalan dengan memuaskan.

Jalan yang sa-panjang 29 batu itu termasuk jalan yang ada sekarang dari Bukit Puan ka-suatu tempat di-sabelah Rempayoh.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata, akan tetapi hujan yang tidak putus2 dalam beberapa bulan yang lalu telah melambatkan sedikit pembenaan jalan itu.

Juruchakap itu berkata, walaupun demikian dua belas sa-tengah batu dari jalan itu dari simpang di-Sungai Liang ka-satu tempat sa-tengah batu ka-atas Bukit Puan telah dibubuhkan dengan asfal.

Juruchakap itu berkata kerja pengukuhan jeraya dari Bukit Puan ka-Labi telah dilaksanakan sa-hingga sampai dua batu.

Beliau berkata, 70% dari kerja meratakan tanah di-antara tempat ini dan Labi telah siap.

Projek itu mempunyai tujuh buah jambatan konkret dan di-antara-nya lima telah siap termasuk yang panjang sekali, 418 kaki merintang Sungai Belait.

Tawaran bagi salah satu dari dua buah jambatan yang akan di-bena di-Sungai Belulor akan di-keuarkan tidak berapa lama lagi.

Lain2 jambatan akan di-bena di-Sungai Teriam.

Sa-lain dari itu projek itu akan mempunyai tujuh buah jambatan di-antara Bukit Puan dan Rembayoh.

Yang panjang sekali ia-lah di-Sungai Petei ia-itu 600 kaki.

Kerja sedang berjalan dengan baik memperbaiki jambatan2 ini.

Juruchakap itu menyatakan bahawa kerja sedang di-jalankan untuk menggantikan dua puluh kalbat yang mana sembilan telah siap.

Juruchakap itu menyatakan projek itu di-jangka akan siap kira2 dalam tahun 1973.

SAMBUTAN NUZUL KORAN PADA HARI KHAMIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin akan merasmikan Sambutan Nuzul Al-Koran, anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan, yang akan di-adakan pada hari Khamis, malam Jumaat 4 Noverber, 1971 bersamaan 16 Ramadhan, 1391 bertempat di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Antara achara2 dalam sambutan tersebut ia-lah sa-buah Tatto-Drama, persembahan nashid, peraduan Hafadz Koran (Surah Attabarak) dan lain2 lagi.

Peraduan Hafadz Koran ada-lah terbuka kapada penuntut2 Kelas Dewasa Al-Koran dan orang ramai di-seluruh negeri, lelaki dan perempuan.

Untuk keterangan lanjut sila berhubung dengan Penolong2 Setia Usaha, Bahagian Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-daerah2 yang berkenaan.

Sharahan khas di-masjid2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan Ugama Islam akan mengadakan Sharahan Khas di-masjid2 yang berikut pada tarikh2 yang berkenaan.

Hari Jumaat 29 Oktober di-Masjid Panchor Murai, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Kampong Lamunin, Daerah Tutong; Masjid Kampong Berbun, Daerah Temburong dan di-Masjid Kampong Labi di-Daerah Belait.

Hari Jumaat 5 Noverber di-Masjid Kampong Sungai Besar, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Kampong Kupang, Daerah Tutong; Masjid Kampong Bokok, Daerah Temburong dan di-masjid Jame' Pekan Seri.

Hari Jumaat 12 Noverber di-Masjid Kampong Limau Manis, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Kampong Penanjong, Daerah Tutong; Masjid Batu Apoi, Daerah Temburong; dan di-Masjid Sungai Liang di-Daerah Belait.

Penduduk2 yang berkenaan di-kawasan masjid2 tersebut ada-lah di-persilakan hadir ka-masjid2 itu bagi mendengarkan Sharahan Khas yang akan di-mulakan satu jam sa-belum menunaikan fardhu Sembahyang Jumaat.

Penuntut2 pulang ka-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 18 orang penuntut ugama Brunei yang belajar di-sekolah Ugama Al-Naim Lilbanat Kelantan dan Kolej Islam Klang akan pulang ka-Brunei pada 14 Noverber kerana berchuti semasa bulan Puasa.

Penuntut2 dari Sekolah Ugama Al-Naim Lilbanat Kelantan ia-lah Dayang Salmiah binte Mohamed Yusof, Dayang Fatimah binte Haji Abdul Ghani, Dayang Rahimah binte Abu Bakar, Dayang Zashiah binte Ibrin, Dayang Sa'adiah binte Ibrahim, Dayang Zainunah binte Mohamed Zain, Dayang Zubaidah binte Salam, Dayang Zaidah binte Ibrahim dan Dayang Norsinah binte Hussin.

Semua penuntut2 itu di-jadualkan tiba di-lapangan terbang Berakas pada pukul 3.55 petang, 14 Noverber.

Penuntut2 dari Kolej Islam Klang ia-lah Awang Ahmad Bokhari bin Haji Hanifah, Awang Alias bin Haji Jalil, Awang Besar bin Abu Bakar, Awangku Jabaruddin bin Pengiran Mohamed Salleh, Awang Kassim bin Lamat, Awang Mohamed Tarif bin Metussin, Awang Tassin bin Akim, Dayang Kasmah binte Siput dan Dayang Norhani binte Haji Baha.

Penuntut2 itu akan tiba di-lapangan terbang Berakas pada 13 Noverber.

Sementara itu sa-ramai 10 orang lagi penuntut Brunei, yang belajar di-sekolah2 menengah di-Singapura akan pulang ka-tanah ayer pada 8 Noverber kerana berchuti.

Sa-orang penuntut Brunei, Awang Abdul Mokti bin Mohamed Daud telah lulus dengan mendapat ijazah B.A. bahagian Perundangan Islam dari Universiti Al-Azhar, Cairo.

Awang Abdul Mokti, akan pulang ka-Brunei, pada 3 Noverber ini.

Sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Mohamed Amin bin Haji Abdul Rahim telah lulus dengan mendapat ijazah B.A. bahagian Perundangan Islam, dari Universiti yang sama.

Awang Mohamed Amin, akan menyambung lagi pelajarannya untuk mendapatkan Diploma Pendidikan, di-Ainsham Universiti, Cairo. Sa-belum itu Awang Mohamed Amin, akan pulang ka-Brunei, kerana berchuti dan akan tiba di-lapangan terbang Berakas pada 4 Noverber ini.